

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN**  
**[ SELAYANG ]**

**TARIKH : 20 MEI 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta PERDANA MENTERI menyatakan syarat-syarat seorang bankrap dapat dilepaskan daripada kebankrapan dan jumlah bankrap yang telah dilepaskan melalui Sijil Ketua Pengarah Insolvensi.**

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat tiga cara untuk seorang bankrap melepaskan diri daripada kebankrapannya iaitu dengan cara berikut:

- (i) Pembatalan kes kebankrapan melalui Perintah Mahkamah di bawah Seksyen 105 Akta Kebankrapan 1967 [Akta 360];
- (ii) Pelepasan daripada kebankrapan melalui Perintah Mahkamah di bawah Seksyen 33 Akta 360; atau
- (iii) Pelepasan daripada kebankrapan melalui Sijil Ketua Pengarah Insolvensi di bawah Seksyen 33A Akta 360.

2. Bagi pelepasan daripada kebankrapan melalui Sijil Ketua Pengarah Insolvensi di bawah Seksyen 33A Akta 360, Ketua Pengarah Insolvensi mempunyai budi bicara dalam mempertimbangkan pelepasan bankrap dengan mengambil kira fakta kes dan kepentingan bankrap serta kepentingan pemiutang.

3. Faktor utama yang diambil kira dalam mempertimbangkan pelepasan bankrap melalui Sijil Ketua Pengarah Insolvensi ialah kerjasama yang ditunjukkan oleh bankrap dalam pentadbiran kes kebankrapan serta pematuhan terhadap arahan Ketua Pengarah

Insolvensi dan undang-undang kebangkrutan termasuk jumlah bayaran hutang yang telah dibuat kepada pemiutang.

4. Kerjasama bankrap dalam pentadbiran kes kebangkrutan ditunjukkan melalui tindakan berikut:

- (i) Bayaran ansuran bulanan kepada Ketua Pengarah Insolvensi dilakukan secara konsisten tanpa gagal;
- (ii) Menghadiri mesyuarat-mesyuarat pemiutang;
- (iii) Memfailkan Pernyataan Hal Ehwal dalam tempoh yang ditetapkan oleh undang-undang;
- (iv) Mengisytiharkan liabiliti dan aset kepada Ketua Pengarah Insolvensi secara jujur dan telus; dan
- (v) Membantu Ketua Pengarah Insolvensi dalam menzahirkan dan menghasilkan hartanya untuk faedah pemiutang.

5. Faktor-faktor lain yang diambil kira dalam melepaskan bankrap ialah usia lanjut, sakit kronik, kes yang tiada nombor kad pengenalan, bankrap yang telah meninggal dunia, pemiutang tidak memfailkan bukti hutang dan kes yang dikategorikan sebagai kes *dormant*.

6. Walau bagaimanapun, kuasa budi bicara ini tertakluk kepada bantahan pemiutang-pemiutang terhadap niat Ketua Pengarah Insolvensi untuk melepaskan bankrap.

7. Jumlah kes kebangkrapan yang telah dilepaskan daripada kebangkrapan melalui Sijil Ketua Pengarah Insolvensi dari tahun 2010 hingga Mac 2015 adalah sebanyak 47,752 kes.

Sekian, terima kasih.